

20 OCT 1998

Mokhtar-Parlimen

MALAYSIA TIDAK PERLUKAN PILIHAN RAYA UMUM SEKARANG

BACHOK, 20 Okt (Bernama) -- Pengerusi Kelab Menteri-Menteri Besar dan Ketua Menteri, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad berkata adalah tidak wajar pihak tertentu mendesak Yang di-Pertuan Agong supaya membubarkan Parlimen, bagi tujuan mengadakan pilihan raya umum lebih awal.

Tidak ada sebab untuk mengadakan pilihan raya umum lebih awal, kerana tempoh sebelum mengadakan pilihan raya baru masih ada kira-kira setahun lagi, katanya kepada pemberita selepas majlis penerangan isu-isu semasa kepada anggota Umno bahagian Bachok di sini, malam tadi.

Wan Mokhtar yang juga anggota Majlis Tertinggi (MT) Umno berkata demikian, mengulas mengenai tuntutan beberapa pihak termasuk yang menyertai perhimpunan haram "Rintihan Rakyat Kepada Raja-Raja" di ibu negara pada Sabtu lepas, yang antaranya mendesak Yang di-Pertuan Agong membubarkan Parlimen.

Beliau berkata dalam keadaan sekarang rakyat perlu menunjukkan semangat cintakan negara serta berjuang untuk mempertahankan negara daripada dikhianati orang asing.

Pihak luar iri hati dengan pencapaian cemerlang Malaysia dan kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang dihormati di peringkat antarabangsa.

"Sabda Rasullullah, cinta kepada negara adalah sebahagian daripada iman", katanya.

Wan Mokhtar berkata dalam keadaan politik negara sekarang, Pas belum boleh berangan-angan untuk menambah kerusi di peringkat Dewan Undangan Negeri dan Parlimen, pada pilihan raya umum akan datang.

Beliau berkata, perpaduan di kalangan anggota Umno masih kukuh dan rakyat memahami taktik Pas sejak akhir-akhir ini, yang bertujuan hanyalah untuk menarik perhatian orang ramai.

--BERNAMA

BD RI